

NO. SOALAN : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA

TARIKH : 30 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 7

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi yang di ambil oleh Kementerian dalam menaik taraf servis teksi di Malaysia agar dapat bersaing dengan 'Grab'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk terus menaik taraf servis teksi di negara ini walaupun telah membuat keputusan untuk mengawalselia perkhidmatan *e-hailing*. Bagi tujuan tersebut, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan 2017 (APAD 2017)) dan undang-undang yang berkaitan dengan perkhidmatan *e-hailing* telah dikuatkuasakan bermula pada 12 Julai 2018. Tindakan ini diambil bagi menyediakan “*level playing field*” yang akan memberi kesaksamaan kepada kedua-kedua pihak untuk bersaing secara sihat dalam memberi tahap perkhidmatan yang tinggi kepada penumpang.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) turut melaksanakan langkah-langkah berikut:

- i. Pemberian Lesen Individu dan Geran Tunai Kerajaan berjumlah RM5,000 kepada pemandu yang telah tamat kontrak dalam sistem pajak sebagai rebat untuk membeli kenderaan baharu. Kini, SPAD telah meluluskan sebanyak 2,493 lesen individu dan 582 Geran Tunai Kerajaan;
- ii. Membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi yang mencapai penarafan keselamatan tiga (3) bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf dengannya;

- iii. Pengurangan kos kepada pemandu kerana tempoh untuk pemeriksaan berkala Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dilanjutkan:
 - a. Pemeriksaan berkala kenderaan hanya bagi kenderaan yang melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
 - b. Pemeriksaan berkala meter bagi kelas lesen teksi hanya perlu dilakukan satu (1) kali setahun berbanding dua (2) kali setahun sebelumnya.
- iv. Pemandu teksi bermeter turut diberi kesempatan untuk mengenakan tambang dinamik (tambang *e-hailing*) apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing* selain dari mengenakan tambang meter apabila membawa penumpang secara "*street hail*";
- v. Menetapkan kadar komisen maksima yang boleh dikenakan oleh syarikat *e-hailing* ke atas pemandu teksi sebanyak 10% sahaja bagi setiap perjalanan;
- vi. Memperkenalkan modul latihan yang baharu kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional. Modul baharu ini menitikberatkan keusahawanan dan teknologi, khidmat pelanggan cemerlang dan undang-undang yang berkaitan. Ia dijangka akan membantu pemandu teksi meningkatkan keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang selain turut menggalakkan mereka meningkatkan pendapatan apabila membawa penumpang melalui tempahan *e-hailing*; dan

- vii. Menggalakkan pemandu teksi untuk mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memastikan kebajikan mereka terbela jika berlaku sesuatu kemalangan yang menjejaskan pekerjaan mereka.

Kerajaan percaya langkah-langkah ini akan menaiktaraf servis teksi dan membolehkan mereka bersaing dengan Grab.